

MODUL CEMERLANG SET 1		
TINGKATAN	PELAJARAN	TAJUK
4	PELAJARAN 1	Konsep Ketuhanan
4	PELAJARAN 2	Konsep Kerasulan
4	PELAJARAN 3	Konsep Insan
4	PELAJARAN 4	Konsep Alam
5	PELAJARAN 1	Islam dan Harta.
5	PELAJARAN 2	Islam dan Hak Milik

PELAJARAN 1- KONSEP KETUHANAN (KERTAS 1)

- 1 Kekuasaan Allah S.W.T meliputi langit dan bumi.
Pernyataan di atas menerangkan konsep
 - A. Syumuliyah
 - B. Rabbaniyyah
 - C. Uluhiyyah
 - D. Rububiyah

- 2 Manakah pernyataan berikut menerangkan fitrah beragama dalam diri manusia?
 - A. Naluri ingin menyelesaikan masalah
 - B. Naluri mengakui kewujudan Allah SWT
 - C. Naluri ingin mencari sesuatu yang baru
 - D. Naluri ingin mencapai kebahagiaan hidup

- 3 Berikut ialah konsep uluhiyyah kecuali
 - A. Hanya Allah SWT yang layak disembah
 - B. Paksi utama keimanan ialah kalimah syahadah
 - C. Kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi
 - D. Tidak beriman dengan tauhid uluhiyyah menjadi sesat

- 4 Setiap manusia mempunyai fitrah beragama.
Antara yang berikut yang manakah **bukan** menjelaskan fitrah beragama?
 - A. Seorang saintis memeluk Islam kerana kagum dengan dapatan kajiannya.
 - B. Seorang mualaf memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan wanita Islam
 - C. Encik Azman menjadi seorang yang rajin beribadat setelah terselamat daripada kemalangan.
 - D. Encik Borhan melakukan sujud syukur apabila mendapat tahu kejayaan anaknya dalam peperiksaan.

Keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT pentadbir semua benda dan perkara di alam ini.

- 5 Pernyataan di atas menerangkan maksud
- A. Uluhiyyah
 - B. Rububiyah
 - C. Rabbaniyyah
 - D. Syumuliyyah

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 6 Allah SWT memiliki nama-nama yang indah dan _____ yang sempurna.
- 7 Paksi utama tauhid Uluhiyyah ialah _____.

X	Konsep Rububiyah
---	------------------

Y	Konsep Uluhiyyah
---	------------------

	Pernyataan	Jawapan
8	Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati	<input style="width: 80px; height: 20px;" type="text"/>
9	Allah SWT pentadbir dan pemilik alam.	<input style="width: 80px; height: 20px;" type="text"/>
10	Paksi utama keimanan kepada tauhid ini ialah kalimah syahadah.	<input style="width: 80px; height: 20px;" type="text"/>

JAWAPAN PELAJARAN 1				
1	D	6	sifat	10
2	B	7	Dua kalimah syahadah	
3	C	8	Y	
4	B	9	X	
5	B	10	Y	

PELAJARAN 1- KONSEP KETUHANAN (KERTAS 2)

- 1 (a) i Nyatakan pengertian Asma Wa Sifat [2 markah]

- ii Senaraikan **dua** nama Allah s.w.t yang indah dan mulia [2 markah]

- (b) Jelaskan dua perbezaan antara orang beragama dengan tidak beragama. [4 markah]

- (c) Nyatakan maksud fitrah beragama [2 markah]


1 (a) i	ialah Allah s.w.t memiliki nama-nama yang indah dan memiliki sifat-sifat yang sempurna.	
1 (a) ii	i. al-Rahman ii. al-Rahim iii. al-Aziz	iv. al-Jabbar v. al-Hakim vi. al-Halim
(b)	Beragama	Tidak beragama
	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa redha dengan ketentuan daripada Allah • Melakukan sesuatu ikhlas kerana Allah s.w.t • Memiliki jiwa yang mantap / teguh 	<ul style="list-style-type: none"> • Berasa kecewa / putus asa. • Melakukan sesuatu untuk mendapat sesuatu balasan. • Mudah dipengaruhi dengan perkara negatif
(c)	Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT dan kekuasaanNya	

PELAJARAN 2- KONSEP KERASULAN (KERTAS 1)

- 1 Berikut antara sifat-sifat mustahil bagi Rasul **kecuali**
- A. Al-Kizb
 - B. Al-Kitman
 - C. Al-Fatanah
 - D. Al-khiyanah

Perkara luar biasa	Mau'nah	X
contoh	Abu terlibat dalam suatu kemalangan yang dasyat namun dia terselamat	Bonda Nabi Isa a.s (Maryam) dianugerahi hidangan dari langit

- 2 Ruangan X di atas merujuk kepada
- A. Karamah
 - B. Mukjizat
 - C. Istidraj
 - D. Irhas



- 3 **X** dalam rajah di atas ialah
- A. Al-Fatanah
 - B. Al-Baladah
 - C. Al-Dhalalah
 - D. Al-Karamah
- 4 Antara berikut yang manakah rasul yang bergelar Ulul-Azmi?
- A. Nabi Nuh a.s
 - B. Nabi Ishak a.s
 - C. Nabi Daud a.s
 - D. Nabi Adam a.s

Qarun yang beroleh kekayaan luar biasa telah beransur-ansur menjadi sombong dan kufur

- 5 Pernyataan di atas contoh
- A. Istidraj
 - B. Irhas
 - C. Sihir
 - D. Mau'nah

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- 6 Terpelihara daripada dosa kecil dan dosa besar yang boleh mencacatkan kemuliaan mereka sebagai utusan Allah SWT
- 7 Perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran dan kerasulan mereka.
- 8 Perkara luar biasa yang boleh dipelajari dengan bantuan kuasa jahat.
- 9 Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT
- 10 Perkara luar biasa yang berlaku kepada umat Islam tanpa diusahakan untuk mempelajarinya

JAWAPAN PELAJARAN 2				
1	C	6	Maksum	10
2	A	7	Mukjizat	
3	B	8	Sihir	
4	A	9	Karamah	
5	A	10	Maunah	

PELAJARAN 2- KONSEP KERASULAN (KERTAS 2)

1 (a) i Nyatakan maksud Ulul Azmi [2 markah]

ii Terangkan dua sebab rasul-rasul mendapat kemuliaan dengan gelaran ini. [4 markah]

(b) Jelaskan perbezaan antara mukjizat dengan karamah [4 markah]

Mukjizat	Karamah

1 (a) i	Iaitu mereka yang memiliki kesabaran yang amat tinggi dalam menghadapi banyak tentangan ketika menyampaikan dakwah atau seruan kepada kaumnya.	
1 (a) ii	<ul style="list-style-type: none"> - Sebagai penghormatan/pengiktirafan daripada Allah (I) atas keteguhan hati menempuh dugaan (H) - Supaya mereka sabar/tidak berputus asa (I) agar Allah memberi hidayah kepada kaum mereka.(H) - Mereka tidak memohon/ mendoakan ditimpakan azab (I) kepada kaum mereka.(H) - Mempunyai kesabaran yang tinggi (I) semasa berdakwah.(H) 	
(b)	Mukjizat	Karamah
	Perkara luar biasa dari Allah s.w.t kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran mereka dan melemahkan musuh.	Karamah ialah perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT

PELAJARAN 3 – KONSEP INSAN (KERTAS 1)

- 1 Proses kejadian insan bermula daripada
 - A. Adam a.s
 - B. Air mani
 - C. Tanah
 - D. Roh

S1 SPM2007

- 2 Antara keistimewaan insan berbanding makhluk lain ialah
 - A. Makan dan minum dengan sempurna
 - B. Sentiasa beribadat kepada Allah SWT
 - C. Berkomunikasi antara satu dengan lain
 - D. Dilantik menjadi khalifah di muka bumi

S2 SPM2010

- 3 Antara yang berikut yang manakah membezakan taraf manusia di sisi Allah SWT?
 - A. Akal yang sempurna
 - B. Berasal dari tanah
 - C. Keturunan nabi Adam a.s
 - D. Ketaqwaan kepada Allah SWT

S3 SPM2010

- 4 Antara yang berikut, yang manakah menerangkan tentang keistimewaan manusia?
 - A. Dicipta daripada tanah
 - B. Mampu membina tamadun
 - C. Boleh memikirkan zat Allah SWT
 - D. Sentiasa mentaati perintah Allah SWT

S11 SPM2012

- 5 Menurut al-Quran kejadian manusia bermula daripada penciptaan
 - A. Roh
 - B. Tanah
 - C. Air mani
 - D. Adam A.S

S19 SPM2012

X	Tanggungjawab manusia kepada Allah SWT
---	--

Y	Tanggungjawab manusia kepada sesama manusia
---	---

Z	Tanggungjawab manusia kepada alam
---	-----------------------------------

Pernyataan


Jawapan

6 Merancang pembangunan dengan teliti

7 Menghubungkan tali silaturrahim tanpa mengira pangkat dan keturunan.

8 Menunaikan zakat fitrah dan zakat harta

Carta di bawah berkaitan dengan proses kejadian manusia menurut al-Quran



Nyatakan peringkat X dan Y

9 X : _____

10 Y : _____

JAWAPAN PELAJARAN 3				
1	B	6	Z	10
2	D	7	Y	
3	D	8	X	
4	B	9	alaqah / darah beku	
5	D	10	al-Izam / tulang dibaluti daging	

PELAJARAN 3 – KONSEP INSAN (KERTAS 2)

1 (a) Nyatakan takrif insan [2 markah]

(b) Huraikan **dua** tanggungjawab insan kepada Allah [4 markah]

(c) Terangkan **dua** akibat pengabaian tanggungjawab insan [4 markah]

1 (a)	Makhluk istimewa yang boleh berfikir / berakal / boleh menerima ilmu. Manusia (1m)
(b)	<ul style="list-style-type: none"> - Mentaati suruhan/ (I) seperti menunaikan solat fardhu/ berpuasa/ mengeluarkan zakat/ (H) - Menjauhi laranganNya / (I) seperti zina / minum arak(H) - Menyembah Allah SWT (I)dengan tidak syirik kepada-Nya (H) - Bersyukur atas rahmat-Nya (I)dengan menggunakan nikmat pemberian-Nya dengan sebaik-baiknya.(H) - Sentiasa berzikir kepada Allah SWT /(I)sebagai tanda mengingati dan mengasihinya /(H)
(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Berlaku kerosakan di muka bumi (I) seperti banjir / tanah runtuh (H) - Manusia akan melakukan perkara syirik (I) kepada Allah SWT (H) - Manusia menjadi sesat (I) dari kebenaran (H) - Mendapat kemurkaan daripada Allah SWT(I) di dunia dan akhirat (H) -

PELAJARAN 4 – KONSEP ALAM (KERTAS 1)

- 1 Alam yang boleh dirasai melalui deria manusia ialah
 - A. Ghaib
 - B. Arasy
 - C. Akhirat
 - D. Musyahadah S3 SPM2008

- 2 Pilih pernyataan yang benar tentang alam musyahadah (alam nyata)
 - A. Manusia boleh memanfaatkannya untuk membina tamadun
 - B. Tidak boeh ditanggapi oleh pancaindera
 - C. Nikmat yang diperoleh berkekalan
 - D. Akal tidak mampu memikirknya. S4 SPM2010

- 3 Hikmah Allah SWT merahsiakan kejadian hari kiamat supaya manusia
 - A. Meninggalkan kemewahan hidup
 - B. Dapat mengalaminya apabila mati
 - C. Dapat membuktikan kebenarannya
 - D. Taat dan patuh kepada perintahNya S1 SPM2011

Setelah amalan baik dan jahat dibacakan, amalan tersebut ditimbang untuk menentukan ke arah mana mereka akan ditempatkan sama ada ke syurga atau ke neraka

- 4 Antara yang berikut yang manakah yang menjelaskan situasi di atas?
 - A. Hari hisab
 - B. Hari kiamat
 - C. Hari kematian
 - D. Hari kebangkitan S2 SPM2011

“Dialah yang mempunyai Arasy yang besar”
(Maksud ayat 29: surah at-Taubah)


- 5 Arasy dalam maksud ayat di atas merujuk kepada contoh alam
- A. Roh
 - B. Ghaib
 - C. Akhirat
 - D. Musyahadah

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) atau (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Alam Ghaib	Y	Alam Musyahadah
---	------------	---	-----------------

	Pernyataan	Jawapan
6	Kewujudannya bertujuan untuk menguji keimanan manusia.	<input style="width: 100%;" type="text"/>
7	Dihuni oleh manusia, haiwan dan tumbuhan.	<input style="width: 100%;" type="text"/>
8	Dihuni oleh manusia yang telah meninggal dunia.	<input style="width: 100%;" type="text"/>

Carta di bawah mengenai alam yang dilalui oleh kehidupan manusia.



- 9 X merujuk kepada _____
- 10 Kebiasaannya manusia berada di alam X selama _____.

JAWAPAN PELAJARAN 4				
1	D	6	X	10
2	A	7	Y	
3	D	8	X	
4	A	9	Alam Rahim	
5	B	10	9 bulan	

PELAJARAN 4 – KONSEP ALAM (KERTAS 2)

1 (a) (i) Nyatakan bahagian alam [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** hikmah Allah merahsiakan alam ghaib [4 markah]

(b) Syurga dan Neraka adalah sebahagian daripada perkara ghaib. [4 markah]
 Terangkan dua cara yang terbaik menanamkan keimanan kepada kedua-duanya di kalangan pelajar.

1 (a) i	1. Alam musyahadah ialah alam yang dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia 2. Alam Ghaib iaitu alam yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia
1 (a) ii	<ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan kekuasaan Allah /(I) yang menjadikan seluruh alam ini /(H) - Menguji keimanan manusia /(I) seperti berlakunya hari kiamat /(H) - Dapat meningkatkan ilmu pengetahuan /(I) dengan cara mengkaji perkara-perkara ghaib /(H) - Menilai sejauh mana ketaatan manusia /(I) kepada perintahNya /(H) - Mengukuhkan keimanan / ketakwaan /(I) kepada Allah swt /(H)
(b)	<ul style="list-style-type: none"> - Meyakini perkara-perkara ghaib tersebut disebut di dalam Al-Quran (I) agar iman lebih mantap (H). - Menerapkan keimanan sejak dari kecil (I) supaya iman bertambah mantap(H)

TINGKATAN 5

PELAJARAN 1 – ISLAM DAN HARTA (KERTAS 1)

- 1 Manakah antara berikut yang **bukan** peranan harta menurut Islam?
 - A. Alat untuk merapatkan hubungan antara manusia
 - B. Dimanfaatkan untuk menambah ilmu dan kemahiran
 - C. Cara untuk mendapatkan kemuliaan dan penghormatan
 - D. Digunakan untuk meningkatkan ibadah kepada Allah SWT

- 2 Antara yang berikut yang manakah sumber harta yang dibenarkan menurut Islam?
 - A. Pelaburan dalam perbankan konvensional
 - B. Habuan pertaruhan dalam permainan sukan
 - C. Hadiah peraduan mereka cipta fesyen pakaian
 - D. Pembekalan bahan mentah ke kilang minuman keras

- 3 Kesan memperoleh harta secara halal kepada individu ialah
 - I. Hidup diberkati Allah SWT
 - II. Disanjung dan disayangi masyarakat
 - III. Perpaduan masyarakat menjadi lebih kukuh
 - IV. Saling menghormati dalam kalangan masyarakat
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

- 4 Pilih padanan yang betul berdasarkan pernyataan di bawah mengenai sumber harta yang haram dan contohnya

	Sumber harta yang haram	Contoh
A	Melalui barangan yang haram	Ceti haram
B	Melalui barangan yang haram	Rasuah
C	Perkhidmatan yang bertentangan dengan syarak	Penjualan arak
D	Perkhidmatan yang bertentangan dengan syarak	Tilik nasib

- 5 Antara yang berikut yang manakah cara memperoleh harta secara haram?
 - A. Bekerja makan gaji
 - B. Bekerja sebagai petani
 - C. Berniaga barangan runcit
 - D. Berurus niaga dalam semua jenis saham


Soalan 6 hingga 7.

Lengkapkan pernyataan berikut.

6. _____ ialah anugerah Allah SWT kepada manusia melalui usaha dan ikhtiar seseorang.
7. Harta yang cukup syarat-syaratnya wajib dikeluarkan _____.

Soalan 8 - 10

Lengkapkan rajah dibawah mengenai cara menguruskan harta menurut Islam.



JAWAPAN PELAJARAN 1				
1	C	6	Harta	10
2	C	7	Zakat	
3	A	8	Tidak melakukan pembaziran	
4	D	9	Sentiasa melakukan kajian dan penyelidikan	
5	D	10	Memelihara dan memulihara sumber alam	

KERTAS 2

1 (a) (i) Apakah pengertian harta [2 markah]

(ii)

Mengapakah Islam menyuruh umatnya mencari harta secara halal [4 markah]

(b)

Terangkan **dua** cara anda membelanjakan harta untuk kepentingan masyarakat. [4 markah]

1	(a)	(i)	Anugerah Allah SWT kepada manusia yang dimiliki melalui usaha/ikhtiar seperti rumah dan lain lain.	[2 markah]
		(ii)	Sebab Islam menyuruh umatnya mencari harta secara halal. <ul style="list-style-type: none"> - mengelakkan daripada penindasan kepada orang lain (I) seperti mendapatkan harta melalui riba/ monopoli (H) - mengelakkan permusuhan semasa mendapatkan harta (I) contohnya melalui manipulasi (H) - Untuk memajukan ekonomi negara (I) sesuai dengan kehendak Islam (H) - Menjamin kebahagiaan hidup (I) di dunia dan di akhirat (H) 	2 X 2 [4 markah]
	(b)		Dua cara membelanjakan harta: <ul style="list-style-type: none"> - Membelanjakan harta untuk kebajikan umum (I) seperti sedekah/derma (H) - Membantu institusi pembangunan masyarakat (I) seperti masjid/ sekolah (H) - meringankan beban orang yang ditimpa bencana (I) seperti mangsa kebakaran/banjir/ tanah runtuh (H) 	1 isi 1 huraian 2 x 2m [4 markah]

PELAJARAN 2 : ISLAM DAN HAK MILIK (KERTAS 1)

1. Semua yang berikut ialah kesan sekiranya tiada pengiktirafan terhadap hak milik kecuali
 - A. Harta tidak dapat diwarisi
 - B. Manusia menjadia malas untuk berusaha
 - C. Manusia tidak bebas menggunakan harta
 - D. Harta menjadikan manusia bersifat sombong

Zainal telah membeli sebuah komputer dengan pembiayaan dari sebuah institusi kewangan. Zainal dikenakan caj sebanyak 1% kerana lewat membayar dari tarikh yang telah ditetapkan untuk bulan Februari. Tiga bulan kemudian komputernya telah mengalami kerosakan. Setelah diperbaiki, didapati komponen yang digunakan adalah tiruan

2. Situasi di atas mempunyai unsur-unsur
 - I. Riba
 - II. Rasuah
 - III. Monopoli
 - IV. Manipulasi
 - A. I dan III
 - B. II dan IV
 - C. II dan III
 - D. I dan IV

2. Manakah antara berikut pengertian yang SALAH mengenai pencerobohan harta?

A	Monopoli	Pengeluar menguasai semua faktor pengeluaran sehingga pengeluar lain mengalami kesukaran untuk mendapatkannya.
B	Rasuah	Memberi atau menerima sesuatu seperti wang secara tidak jujur untuk mendapat manfaat baginya.
C	Mencuri	Mengambil kepunyaan orang lain tanpa kebenaran.
D	Manipulasi	Menggunakan keuntungan yang diperolehi dari pelaburan untuk mendapatkan faedah.

4. Antara yang berikut yang manakah implikasi larangan pencerobohan harta dalam Islam?
 - I. Perpaduan bertambah erat
 - II. Keselamatan harta terjamin
 - III. Golongan miskin menjadi kaya
 - IV. Bebas mencari harta tanpa batas
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

- 5 Antara yang berikut yang manakah implikasi larangan pencerobohan harta?
- A. Kehidupan orang miskin tidak terbelah
 - B. Masyarakat bebas memiliki harta tanpa batas
 - C. Perpaduan dalam anggota masyarakat bertambah erat
 - D. Bimbang keselamatan harta diceroboh oleh pihak lain

Soalan 6 hingga 8

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 6 Hak milik peribadi ialah hak milik _____ bagi seseorang individu seperti rumah dan kereta.
- 7 Kanak-kanak dan _____ adalah golongan yang tidak layak untuk menguruskan sesuatu harta.
- 8 _____ bermaksud sesuatu harta dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan.

Soalan 9 dan 10

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul. Tandakan (x) pada pernyataan yang salah.

- 9 Manusia tidak diberikan kebebasan sepenuhnya dalam pemilikan sesuatu harta.
- 10 Islam melarang pemilikan harta melalui cara yang salah.

JAWAPAN PELAJARAN 2				
1	D	6	Khusus	10
2	D	7	Orang gila	
3	D	8	Hak milik	
4	A	9	X	
5	C	10	✓	

